

19 APR 1997

## CYBERJAYA PUSAT TERUNGGUL BAGI IT

Laporan khas

Oleh: Mohd Rizal Razali

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Dengan menyaksikan kejayaan seorang kanak-kanak pintar Malaysia yang berjaya memasuki Universiti Oxford ketika berusia 12 tahun manakala seorang lagi rakyat Malaysia menerajui Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mampukah seorang saintis Malaysia pula memenangi anugerah Nobel?

Ita mungkin kelihatan sukar pada ketika ini. Tetapi tidak mustahil akan menjadi kenyataan suatu hari nanti dengan penubuhan sebuah pusat terunggul teknologi Malaysia -- Cyberjaya.

Cyberjaya, bandar yang menjadi pusat bagi Teknologi Maklumat (IT) dan kandungan multimedia sedang dimajukan dan akan diuji sebelum ia digunakan sebagai produk di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) seluas 40 kali 15 kilometer.

Cyberjaya yang merangkumi kawasan seluas 2,800 hektar di tengah-tengah kawasan MSC, akan menjadi bandar siber terbesar dan berfungsi sebagai pusat kegiatan eksklusif untuk aktiviti Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) bagi negara ini sekaligus kepada rantau ini serta beberapa bahagian lain di dunia.

Di samping kemudahan pejabat dan zon perdagangan, Cyberjaya juga mempunyai hotel peranginan kelas pertama, pangsapuri, kawasan perumahan pinggir bukit, pusat membeli belah utama dan kemudahan rekreasi.

Di tengah-tengah kawasan Cyberjaya adalah Universiti Multimedia yang akan dibina bagi pendidikan peringkat tinggi dan kajian bagi multimedia serta teknologi maklumat di masa depan.

Perunding kejuruteraan prasarana, Ir. Afifi Hj Hassan memberitahu Bernama bahawa Cyberjaya adalah "bandar pintar bagi syarikat multimedia" di dalam MSC.

Afifi, yang juga seorang jurutera elektrik berkata: "Saya yakin Cyberjaya akan menjadi pusat terunggul yang akan melahirkan saintis-saintis IT Malaysia bagi masa akan datang."

Menurutnya, bandar itu akan melengkapinya pembangunan komponen-komponen asas MSC dalam memusatkan IT dan R&D multimedia serta aktiviti perniagaan.

Beliau juga berkata dengan banyak insentif yang diberikan kepada organisasi tempatan dan luar negara serta pelabur untuk menggalakkan pelaburan lebih besar serta sumbangan dalam MSC, Cyberjaya pada akhirnya akan menjadi zon dagangan bebas bagi industri perniagaan IT dan multimedia pada suatu hari nanti.

"Matlamat menyediakan insentif itu adalah untuk menyaksikan kesungguhan dalam R&D bagi multimedia dan sektor IT," katanya.

Menurutnya, perkara itu akan membawa Cyberjaya menjadi pangkalan paling penting bagi pembentukan rakan kongsi pintar dan gabungan strategik antara syarikat tempatan dengan pembekal teknologi asing.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini telah berkata pembangunan Cyberjaya berjalan lancar seperti dan pelbagai komponennya akan disiapkan antara tahun 1998 hingga 2000.

Bagaimanapun, Anwar berkata pembangunan prasarana asas yang terdiri daripada lebuh raya, rangkaian hubungan kereta api, telekomunikasi, bekalan elektrik dan air, dijangka disiapkan tahun depan.

Keseluruhan pembangunan Cyberjaya akan dilaksanakan oleh Cyberview Holdings, sebuah konsortium yang terdiri daripada Nippon Telegraph and Telephone dari Jepun (NTT), Telekom Malaysia Bhd, Permodalan Nasional Bhd, kerajaan negeri Selangor dan beberapa kumpulan yang belum ditentukan.

Bagi mempercepatkan projek itu, Cyberview Holdings sedang cuba mendapatkan kelulusan segera daripada pihak berkuasa untuk memiliki kira-kira 750 hektar tanah terlebih dahulu daripada keseluruhan 2,800 hektar, untuk memulakan pembangunan awal bandar berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan majlis pecah tanah Cyberjaya pada pertengahan bulan ini.

Mengenai pembangunan telekomunikasi Cyberjaya, Afifi berkata ia akan menjadi lebih hebat kerana pangkalannya akan dihubungkan kepada rangkaian MSC yang lebih berkuasa yang mendapat sokongan daripada kedua-dua kabel gentian optik yang mampu menyalurkan data pada 2.5 hingga 10 gigabit sesaat.

Menurutnya, apabila siap sepenuhnya, Cyberjaya boleh berkhidmat sebagai markas di mana orang ramai boleh "bermain" dan "bekerja" dengan teknologi dan sentiasa berpandukan cogan kata "orang yang menguasai semua maklumat adalah orang yang mengawal semua permainan."

Bagaimanapun, beliau berkata dengan hanya menghargai dan menjadi pengguna maklumat semata-mata, tidak memberi faedah yang diharapkan kepada negara.

"Kita mesti menguasai atau menjadi penyumbang kepada industri IT," tegasnya.

Untuk menyumbang kepada industri IT, beliau berkata rakyat Malaysia mestilah mahir menguasai perkakasan dan juga mampu menganalisis sampingan teknologi seumpama itu.

Menurutnya, ia boleh dilakukan menerusi pembabitan bersungguh-sungguh dalam aktiviti R&D, terutamanya dalam industri IT dan multimedia yang boleh didapati di Cyberjaya.

"Sebaik sahaja kita mampu menguasai sampingannya, hasilnya bolehlah dibentuk dan dilaksanakan mengikut kesesuaiannya," katanya.

"Jika kita mampu mengesan keperluan bagi masa depan pada hari ini dan mempunyai teknologi untuk memenuhi matlamat itu, ia boleh menjimatkan masa, tenaga dan wang dan yang paling penting menguasai segala-galanya," katanya.

Permulaan ke arah penguasaan sudah bermula. Cyberjaya akan merintis jalan ke arah keunggulan teknologi dan impian untuk menggondol hadiah Nobel mungkin bukan lagi mimpi semata-mata. -- BERNAMA

RIZ ZK MA